

PTAR IQRA'

"LIBRARY for ALL"

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 05/2016 | Mei | www.library.uitm.edu.mywww.facebook.com/library.uitmwww.instagram.com/ptaruitmperpustakaanuitm.blogspot.my

Majlis Kemuncak ILMU MENGUBAH DESTINI (IMD) Perpustakaan Tun Abdul Razak



Perasmian Program IMD dilaksanakan oleh YAB Menteri Besar Terengganu, Tn Hj. Ahmad Razif

Majlis kemuncak bagi program tersebut yang telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Terengganu; Tuan Haji Ahmad Razif bin Abd Rahman. Turut hadir Isteri beliau YABhg Puan Hajah Halina Zakaria, Ketua Pustakawan UiTM; En. Noor Hidayat bin Adnan, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu; Tuan Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussain, Rektor UiTM Terengganu; Prof. Madya Dr. Abdol Samad bin Nawi & Guru-guru Besar Sekolah sekitar Negeri Terengganu.

Penganjuran siri kelima di bawah program IMD ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengurusan pusat sumber sekolah-sekolah menengah di Terengganu, di samping membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Budaya Ilmu dan Budaya Membaca di kalangan warga sekolah. Untuk tahun ini, siri kedua program CSR : Ilmu Mengubah Destini (IMD) PTAR 2016 akan dilaksanakan pada September 2016 di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Nurul Iftiqaq, Besut, Terengganu.

17 Mei 2016, Kuala Nerus - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dan Perpustakaan Cendekian, UiTM Terengganu dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu telah menganjurkan Program CSR : Ilmu Mengubah Destini PTAR 2016 yang berlangsung di Sekolah Kebangsaan Kompleks Seberang Takir, Kuala Terengganu, Terengganu.



Sekitar majlis perasmian

SIDANG REDAKSI

Penasihat

En. Noor Hidayat Adnan

Editor

Pn. Roslina Binti Mohamad Ali



Pengurus Produksi

Pn. Hajah Wan Norizan binti Wan Mansor



Wartawan

En. Mohd Hazrul Mohd Hussin



Grafik

Pn. Ain Nur Munirah Abdullah
En. Zawawi Hussain



Foto

Pn. Rostinah Mujir



Idea, Konsep dan Terbitan
Bahagian Penerbitan, PTAR



CSR: IMD PTAR 2016
ILMU MENGUBAH DESTINI

Program CSR :

IMD PTAR 2016

SK Kompleks Seberang Takir (STARS), Kuala Terengganu

18-20 APRIL 2016

Bengkel Pengkatalogan & Pengkelasan Pusat Sumber Negeri Terengganu

PESERTA : 100 Orang Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah Negeri Terengganu

TEMPAT : Hotel Permai, Kuala Terengganu

PENGISIAN : Pendedahan dan pengetahuan kepada guru berkaitan proses pengkelasan bahan pusat sumber sekolah menggunakan sistem pengkelasan DDC

PENCERAMAH : Prof. Madya Hamidah bt Hj A.Rahman (Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM)

21-25 MAC 2016 & 15-16 MEI 2016

Program Transformasi Pusat Sumber (Library Make Over)

15-16 MEI 2016

Program Galakan Membaca

Dijalankan menerusi aktiviti-aktiviti seperti Spot the Word, Lets Shelving, Teka Silang Kata, Bijak Mengeja, Math Wiz, Wheel of Fortune, Cerdik ICT, Ceramah Motivasi dan Fun Race

16-17 MEI 2016


Pameran PTAR

17 MEI 2016

Majlis Kemuncak dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Terengganu, manakala Majlis Perasmian "Pusat Sumber Halina Zakaria" dirasmikan oleh isteri YAB Menteri Besar Terengganu iaitu YABhg Pn Hajah Halina Zakaria.

Program Transformasi Pusat Sumber

PROGRAM GALAKAN MEMBACA



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas



Lawatan Kerja UiTM Jengka, Pahang ke Jabatan Arkib Universiti



Pelawat dari UiTM Pahang mengabadikan kenangan bersama Encik Ariffin Jamaludin, Ketua Jabatan Arkib Universiti UiTM



Sesi taklimat di Bilik Mesyuarat Utama PTAR



Shah Alam, 3 Mei 2016 - Seramai 15 orang warga kerja UiTM Pahang telah membuat lawatan kerja ke Jabatan Arkib Universiti UiTM untuk mengetahui secara lanjut mengenai proses pelupusan rekod-rekod Jabatan.

Lawatan dari UiTM Pahang yang diketuai oleh Puan Rosnita Ja'afar, Timbalan Ketua Pustakawan dan disambut oleh Ketua Jabatan Arkib Universiti UiTM, Encik Ariffin Jamaludin, Timbalan Ketua Pustakawan telah berlangsung selama satu hari

Semoga lawatan kerja ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya.



Encik Ariffin Jamaludin menyampaikan cenderahati kepada wakil UiTM Pahang



Sesi lawatan ke Jabatan Arkib Universiti

Perpustakaan UiTM di Pameran Pendidikan Tinggi Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur

Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan salah satu daripada 800 pempamer yang menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2016 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia atau lebih dikenali sebagai Malaysian Agro Exposition Park (MAEPS), Serdang. Pameran buku tersebut yang bermula sejak 29 April 2016 dan berakhir pada 9 Mei 2016 merupakan kerjasama diantara Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Majlis Profesor Negara (MPN).

PBAKL 2016 dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan, Malaysia, bersama-sama dengan enam persatuan Industri Buku Malaysia dengan kerjasama dan penyertaan pemain utama industri buku tempatan, PBAKL adalah pesta buku terbesar di Asia Tenggara, ekoran sambutan yang menggalakkan tahun lalu.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM Shah Alam merupakan wakil pempamer UiTM bagi menjalankan pameran buku tersebut. Bertemakan "Menjulang Ilmu ke Puncak Gemilang", Perpustakaan UiTM bertindak mempamerkan hasil kejayaan, kegemilangan dan pengiktirafan yang diterima oleh UiTM. Pameran ini bertujuan untuk memperkenalkan dan mempamerkan hasil kejayaan, kegemilangan dan pengiktirafan yang diterima oleh Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) kepada masyarakat. Ia juga adalah tempat yang sempurna untuk pencinta buku untuk mendapatkan buku-buku terbaru dan promosi daripada penerbit di seluruh rantau ini. Pelancaran buku, seminar, konvensyen dan banyak aktiviti-aktiviti lain di tempat yang sesuai untuk semua lapisan masyarakat membaca.



PESTA BUKU ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR
INTERNATIONAL BOOK FAIR

RUMAH DI
MAEPS
SERDANG
BUKU : MENJANA KEPINTARAN KREATIF

29 APRIL- 9 MEI 2016



Seri Iskandar - Seramai 9 orang staf PTAR telah menyertai Karnival Sukan Staf UiTM (KARISTA) yang berlangsung dari 19 Mei hingga 26 Mei 2016 bertempat di UiTM Perak. Karnival sukan ini melibatkan penyertaan dari seluruh kampus UiTM dan mempertandingkan 8 jenis sukan iaitu bola sepak, bola sepak veteran, bola sepak 5 sebelah wanita, bola jaring, bola tampar (L & W) dan tenpin bowling.

Senarai staf yang terlibat adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	BAHAGIAN	PERMAINAN
1.	Cik Nurul Fariyah Sarmin Panut	PTAR	Tenpin Bowling
2.	Pn. Nik Nurshihah Muhamad	PTAR	Tenpin Bowling
3.	Pn. Juniza Addeno	PTAR	Tenpin Bowling
4.	Pn. Norlilawati Mohd Shah	PTAR	Tenpin Bowling
5.	En. Md Haizar Jamian	PTAR	Tenpin Bowling
6.	En. Mohd Afnan Ismail	PTAR	Bolasepak Veteran
7.	En. Mohd Norsham Yakub	Jabatan Arkib Universiti	Bolasepak Veteran
8.	Cik Zayani Zakaria	PTAR	Bolasepak 5 Sebelah Wanita
9.	Pn. Nor Syafiqah Alia Amran	PTAR	Bolasepak 5 Sebelah Wanita

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka telah muncul juara keseluruhan Karnival Sukan Staf UiTM Malaysia (KARISTA) 2016 menewaskan 13 kontinjen lain yang bertanding.



Pasukan Bolasepak Veteran UiTM Shah Alam muncul johan dalam Karnival Sukan Staf



Pasukan Bolasepak 5 Sebelah Wanita UiTM Shah Alam mendapat tempat ke-3 dalam Karnival Sukan Staf



Para peserta Tenpin Bowling

Lawatan Sambil belajar SK Jaya Gading ke PTAR



Bergambar bersama selepas sesi lawatan di PTAR

26 Mei 2016 - Seramai 60 orang murid yang terdiri dari tahun 3 hingga 6 dan juga 6 orang guru pengiring dari Sekolah Kebangsaan Jaya Gading, Kuantan Pahang telah membuat lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) bermula dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari.

Lawatan sambil belajar yang diketuai oleh Pn. Hasliza (Guru) ini bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada para pelajar tersebut mengenai perkhidmatan, kemudahan, dan koleksi yang ada di Perpustakaan di samping memberi pendedahan awal mengenai Ilmu Sains Perpustakaan kepada pelajar.

Bahagian Pengurusan Sistem Perpustakaan (BPSP) dengan kerjasama Unit Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan Kursus Adobe Photoshop (*Intermediate*) PTAR pada 24 Mei 2016 hingga 26 Mei 2016.

Objektif kursus ini diadakan bertujuan untuk :-

- Memberi kefahaman dan kemahiran mengenai penggunaan Adobe Photoshop (*Intermediate*).
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Adobe Photoshop dengan versi yang terkini.

Program LIBRARY OUTREACH 2016

Khamis, 12 Mei 2016 - Bahagian Perkhidmatan Akademik, Perpustakaan Tun Abdul Razak dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) telah menganjurkan Library Outreach Program 2016 bermula jam 9 pagi hingga 12 tengahari. Program ini diadakan di Bilik Seminar Cempaka 5, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS).



Puan Asmah Maarof, Timbalan Ketua Pustakawan memberikan kata-kata aluan



Sesi pendaftaran sedang dijalankan

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mewar-warkan maklumat perkhidmatan terkini yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) disamping mendapatkan maklum balas daripada pengguna bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan di perpustakaan.

Kursus Adobe Photoshop di PTAR

c) Memberi peluang kepada staf untuk menjadi lebih kreatif dalam mengendalikan Adobe Photoshop.

d) Mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam penggunaan Adobe Photoshop.

Berikut disertakan maklumat program tersebut :



Peserta sedang diberikan tunjuk ajar

Tarikh : 24 - 26 Mei 2016 (Selasa hingga Khamis)

Masa : 8.30 pagi – 5.00 petang

Tempat : Pusat IT, PTAR 1

Peserta kursus : 40 orang staf PTAR

Kumpulan Sasaran : Staf Profesional & Pelaksana

Penceramah : Tuan Haji Jasni Ghani (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, InfoTech, UiTM)

Fasilitator : Encik Mohd Paizal B. Usman (Pembantu Perpustakaan, Unit Pengurusan ICT, PTAR)

Diari PTAR (Mei 2016)

UiTM di Pameran Pendidikan Tinggi Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur	29 April- 5 Mei 2016
Lawatan Kerja UiTM Jengka ke Jabatan Arkib Universiti	03 Mei 2016
Library Outreach Program 2016	12 Mei 2016
Program CSR : Ilmu Mengubah Destini (IMD) PTAR 2016	15 - 17 Mei 2016
Kursus Adobe Photoshop (Intermediate)	24 - 26 Mei 2016
Lawatan Sambil Belajar Sekolah Kebangsaan Jaya Gading, Kuantan ke PTAR	26 Mei 2016
Taklimat Kerja Lebih Masa	27 Mei 2016
Mesyuarat Rundingan Pangkalan Data Dalam Talian	31 Mei 2016